

KAJIAN SOSIO-EKONOMI KADA



Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

2006

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah syukur kehadrat llahi di atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, dapat saya menyiapkan amanah yang dipertanggungjawabkan untuk menyiapkan kajian ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak KADA di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya dan rakan-rakan iaitu Prof. Madya Dr Asry Bin Yusoff ,Prof. Madya di Jabatan Kewangan, Fakulti Pentadbiran Perniagaan Universiti Teknologi Mara, Kelantan dan juga Puan Wan Zakiyatussariroh Bin Wan Husin, Pensyarah di Jabatan Statistik, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif Universiti Teknologi Mara, Kelantan bagi melaksanakan sekaligus menyiapkan kajian yang bertajuk ‘Kajian Sosio Ekonomi KADA 2006’.

Terima kasih juga saya ucapan kepada YBhg Encik Ibrahim Mat, Pengurus Besar KADA; Encik Nik Roslan Idris, Pengarah, Bahagian Pembangunan dan Perancangan KADA; Encik Ab Lah Husein dan Puan Hasneedawaty Haron kerana telah banyak memberikan bantuan dan tunjuk ajar kepada pihak saya bagi merialisasikan kajian ini.

Ribuan terima juga diucapkan kepada pihak Universiti Teknologi Mara di atas bantuan dari segi peralatan dan fasiliti serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga Allah S.W.T merahmati dan memberkati kita semua.

Sekian, terima kasih.

Prof. Madya Mohamad Safri bin Ya, Ketua Perunding

Prof. Madya Dr Asry Bin Yusoff, Ahli

Puan Wan Zakiyatussariroh Bin Wan Husin, Ahli

Kota Bharu

Ogos 2009/Ramadhan 1424

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI GAMBARAJAH, JADUAL DAN CARTA	xvii
BAB 1 – PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Latar Belakang Organisasi	
1.1.0 Sejarah penubuhan KADA	2
1.1.1 Peta Kawasan PPK	3
1.1.2 Objektif KADA	4
1.1.3 Strategi Mencapai Objektif	4
1.2 Penyataan Masalah dan Persoalan Pendidikan	5
1.3 Terma Rujukan	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Rangka Kajian	
1.5.0 Sosio-Ekonomi Komuniti KADA	8
1.6 Kepentingan Kajian	
1.6.0 Kepada Pesawah	9
1.6.1 Kepada Kerajaan/KADA	9
1.7 Limitasi Kajian	
1.7.0 Kerjasama Responden	9
1.7.1 Ketepatan Maklumat	9
1.8 Ruang Lingkup Kajian	10
1.9 Terma-Terma Sosio Ekonomi	
1.9.0 Pendapatan	10
1.9.1 Perbelanjaan	10
1.9.2 Pemilikan Harta	10
1.9.3 Upah	11

BAB 1 PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sektor pertanian telah menyumbang kepada asas pembentukan ekonomi Malaysia dalam era selepas merdeka dengan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebanyak 46 peratus pada tahun 1957. Aktiviti ekonomi penduduk negara pada masa tersebut lebih tertumpu kepada kegiatan pertanian dan perlombongan. Selepas sepuluh tahun kemerdekaan, bilangan pekerja yang menceburি sektor ini pada tahun 1966 adalah 80.3 peratus daripada jumlah tenaga buruh (**Sofian Mohd. Salleh, 2005**).

Sebagai salah satu tanaman yang menyumbang kepada keperluan asas, padi merupakan makanan asasi lebih daripada setengah penduduk di dunia. Kebanyakan mereka tinggal di negara kurang membangun. Untuk memastikan keperluan makanan dunia ini mencukupi, kapasiti pengeluaran beras perlulah ditingkatkan sebanyak 70 peratus supaya ianya dapat menampung pertambahan penduduk di dunia menjelang tahun 2025 (**Riveros, 1994**).

Di Malaysia, pengeluaran semasa padi hanya mencapai kira-kira 72 peratus daripada permintaan negara (**MOA, 2005**). Ini bermakna, Malaysia telah mengimport lebih kurang 30 peratus keperluan beras yang berjumlah 700, 000 tan metrik setiap tahun dari negeri Thailand dan Vietnam. Kebergantungan yang begitu tinggi kepada beras import ini boleh mengundang masalah sekiranya negara-negara pengeksport gagal memenuhi permintaan kita.

Selain itu, laporan **Kementerian Pertanian (2005)** pula menyatakan kadar pendapatan bagi petani-petani di negeri jelapang padi di Semenanjung Malaysia adalah rendah iaitu pada purata RM731 sebulan, hanya RM71 di atas paras kemiskinan ditetapkan oleh kerajaan. Pendapatan garis kemiskinan pada tahun 2004 di Semenanjung Malaysia ialah RM660 (**EPU, 2005**).

Dalam konteks ini, fakta-fakta seperti modal, bantuan kerajaan, tahap pendidikan dan keluasan tanah sawah perlu diteliti dan dianalisa agar maklumat ini dapat membantu

pihak kerajaan terutamanya pihak KADA dalam merangka dasar, strategi atau program-program untuk meningkatkan pengeluaran padi negara.

1.1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1.0 Sejarah penubuhan KADA

KADA (Kemubu Agricultural Development Authority) telah ditubuhkan pada 30 Mac 1972 melalui Akta 69, Lembaga Pertanian Kemubu, 1972. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Y.A.B. Tun Hj. Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia pada 2 Mac 1973.

Setelah KADA diwujudkan, Kerajaan Negeri Kelantan pulang menyusuli tindakan dengan meluluskan Enakmen Pihak Berkuasa Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 (Enakmen no.2 Tahun 1972 Kelantan) membolehkan Menteri Pertanian dan Perikanan melaksanakan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 mulai 1 Ogos 1972, (KADA 25 Tahun 1972-1997)

Kampung Kemubu terletak di tebing Sungai Kelantan, 30km dari Kota Bharu telah disemadikan namanya dalam lipatan sejarah KADA. Di situ lah terbina sebuah rumah pam membekalkan air ke Rancangan Pengairan Kemubu (RPK) yang merupakan rancangan terbesar dalam gugusan rancangan-rancangan pengairan lain dan ianya dipersatukan di bawah kuasa pengendalian KADA.

KADA telah dilantik sebagai wakil berdaftar bagi 13 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan 42 buah Koperasi Asas Tani yang terdapat dalam kawasan KADA sepanjang tahun 2004.